

Kecenderungan Mahasiswa Bumiputera untuk Memilih Keusahawanan sebagai Kerjaya: Kajian Kes di UiTM Pahang

Rozieana A. Halid@ Khalid
Mazlina Suhaimi
Hasnizawati Hashim
Mohd Norafizal Abd Aziz

ABSTRAK

Keusahawanan adalah antara aspek kemahiran yang perlu ada pada setiap graduan sama ada dalam bidang sains dan teknologi mahupun pengurusan. Kemahiran ini perlu dididik sejak dari peringkat awal khususnya pada tahap persekolahan agar kecenderungan terhadap minat terhadap keusahawanan ini mampu dikuasai apabila mereka dewasa. Pihak kerajaan sendiri telah menyediakan banyak ruang dan galakan untuk menambahkan lagi penguasaan bumiputera dalam bidang ini. Namun, sejauh manakah pelajar bumiputera mempunyai kecenderungan terhadap bidang keusahawanan? Kajian ini dilakukan untuk melihat kecenderungan bakal graduan UiTM Pahang terhadap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya mereka. Kajian ini juga akan mengupas sejauh manakah minat dan kecenderungan graduan terhadap keusahawanan di samping mengenal pasti faktor-faktor menarik dan menolak minat graduan terhadap bidang keusahawanan di dalam kerjaya mereka. Di samping itu, kajian ini turut melihat pemilihan bidang keusahawanan yang dipilih oleh graduan untuk dijadikan sebagai kerjaya tetap mereka. Data yang diambil melalui soal-selidik telah dianalisa menggunakan perisian SPSS dan hasil serta kesimpulan terhadap kajian dapat dirumuskan dan pencapaian objektif kajian ini akan dapat dilihat untuk dijadikan panduan kepada organisasi mahupun kerajaan untuk mempertingkatkan usaha, sama ada dalam bentuk pinjaman modal mahupun kursus-kursus yang berkaitan dengan aspek keusahawanan untuk melonjakkan lagi pencapaian bumiputera dalam bidang keusahawanan.

Kata kunci: Bumiputera, kerjaya, keusahawanan

Pengenalan

Hisrich et al. (2006) menyatakan keusahawanan adalah satu proses yang dinamik untuk mencipta kekayaan manakala Kuratko dan Hodgetts (2004) mendefinisikan keusahawanan sebagai suatu proses inovasi dan penciptaan melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, alam sekitar (environment) dan proses, dengan kerjasama rangkaian di dalam kerajaan, pendidikan dan kelembagaan (institution). Berdasarkan kepada definisi keusahawanan ini, jelas menunjukkan bahawa fungsi keusahawanan bukan sahaja untuk mencipta kekayaan semata-mata tetapi juga dapat membantu seseorang individu untuk menghasilkan inovasi terhadap perniagaan di samping memperkukuhkan kerjasama serta rangkaian perniagaan sama ada di dalam negara mahupun luar negara.

Usahawan menurut Kuratko dan Hodgetts (2007) adalah individu yang bertindak sebagai pemangkin kepada perubahan ekonomi yang menggunakan carian dengan maksud tertentu, melaksanakan sesuatu pentadbiran yang jelas dan pertimbangan yang sesuai apabila membuat sebarang proses perniagaan.

Di Malaysia, kepentingan aspek keusahawanan dapat dilihat melalui pelbagai pendekatan untuk membantu rakyat Malaysia antaranya dengan pembentukan Dasar Ekonomi Baru (1970 - 1990) , Dasar Pembangunan Nasional (1990 - 2000) dan Wawasan 2020 yang dilihat sebagai langkah pemerintah negara untuk membantu seluruh rakyat Malaysia di dalam mempertingkatkan bidang keusahawanan di Malaysia. Melalui Laporan Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan bahawa kadar kemiskinan negara pada tahun 1990 ialah 17.1% berbanding 49.3% pada tahun 1970 dan

pencapaian ini jelas menunjukkan pelaksanaan DEB ini bersesuaian dengan matlamat penubuhannya iaitu untuk mengurangkan kemiskinan rakyat serta beberapa pendekatan yang diatur bagi memastikan pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang Melayu dan kaum Bumiputera supaya mereka dapat menguruskan dan memiliki sekurang-kurangnya 30% daripada semua jenis peringkat kegiatan ekonomi.

Kepentingan keusahawanan dapat dilihat sebagai satu proses pembaharuan (inovasi) untuk mencipta pelaburan baru di dalam dunia perniagaan, di mana ia akan menyebabkan ekonomi sesebuah negara berkembang, peluang pekerjaan baru dapat diadakan dan dapat mengurangkan kadar pengangguran. Keusahawan juga merupakan antara penyumbang kepada pembangunan negara dan menyedari kepentingannya kepada pembangunan negara, penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan pada 1995 yang kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi telah ditubuhkan untuk mengawal serta mempromosi pembangunan usahawan di Malaysia. Kepentingan ini jelas menunjukkan bahawa aspek keusahawanan ini sangat penting bukan sahaja kepada rakyat mahupun individu bahkan kepada pembangunan ekonomi negara dan semestinya keusahawanan perlu untuk dipelajari pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah mahupun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Objektif Kajian

Pelaksanaan kajian ini bertujuan utama untuk mengenal pasti kepentingan keusahawanan kepada para pelajar IPT terutamanya di UiTM Pahang memandangkan para pelajar jurusan Diploma perlu mengikuti kursus ETR300 iaitu antara kursus keusahawanan yang ditawarkan kepada pelajar. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat sejauh mana minat, kecenderungan mahasiswa bumiputera, faktor penarik minat serta mengenal pasti bidang perniagaan yang ingin dan akan diceburi oleh mahasiswa bumiputera.

Kajian Terdahulu

Umum sedia maklum bahawa kerajaan Malaysia sentiasa mencuba menangani isu graduan menganggur dengan melaksanakan pelbagai usaha dengan memberikan dorongan dan membuka peluang kepada mereka melibatkan diri di dalam bidang keusahawanan. Pelbagai agensi seperti MARA, Bank Pembangunan, Bank SME, Bank Rakyat dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MeDC) menawarkan bantuan kewangan, kepakaran, kepimpinan, kursus-kursus dan khidmat nasihat kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan.

Mohd. Yusop et al. (2003) telah menjalankan kajian ke atas 40 mahasiswa yang mengikuti program kokurikulum keusahawanan di salah sebuah IPTA di Johor. Program ini bertujuan membentuk sikap dan minat positif terhadap keusahawanan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Aspek-aspek yang dikaji adalah seperti berikut:-

- i. Meninjau sejauh mana kokurikulum keusahawanan memberi pendedahan kepada bidang keusahawanan sebenar,
- ii. Meninjau sejauh mana kokurikulum keusahawanan menghubungkan teori kepada praktis,
- iii. Meninjau sejauh mana kokurikulum dapat membina kemahiran keusahawanan,
- iv. Sejauh mana kokurikulum dapat menambah pengetahuan mahasiswa dan mempengaruhi pembelajaran mereka, dan
- v. Sejauh mana kokurikulum dapat memberi keyakinan mahasiswa akan kebolehan diri untuk menceburi bidang perniagaan.

Hasil kajian mendapati bahawa program kokurikulum keusahawanan memberi kesan yang tinggi kepada mahasiswa-mahasiswa untuk terlibat di dalam bidang keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa program ini mampu menimbulkan minat dan keyakinan para mahasiswa untuk menceburi

bidang keusahawanan setelah selesai pengajian nanti.

Veciana et al. (2005) dan rakan-rakannya dari University Barcelona dan Puerto Rico menjalankan kajian sikap mahasiswa universiti terhadap keusahawanan di mana kajian dibuat di Catalonia dan Puerto Rico. Di antara hasil dapatan kajian ini ialah 40.3% dan 51% mahasiswa di Puerto Rico dan Colonia masing-masing kurang jelas memilih untuk membuka perniagaan sebagai haluan kerjaya (career path). Seramai 28.7% (di Puerto Rico) dan 12.1% (di Catalonia) secara serius menimbangankan keusahawanan sebagai haluan kerjaya. Terdapat peratus yang kecil (16.1% di Puerto Rico dan 4.1% di Catalonia) mempunyai tujuan (*intention*) yang kuat memilih keusahawanan sebagai haluan kerjaya. Di Catalonia, terdapat perhubungan antara jantina mahasiswa dan persepsi keinginan membuka usahasama (*new venture desirability*) dengan tujuan membuka perniagaan. Mahasiswa lelaki lebih berkeinginan dan secara serius bertujuan membuka perniagaan. Di sana juga menunjukkan mahasiswa dari keluarga yang terlibat dengan keusahawanan menunjukkan bahawa mereka berfikir secara serius untuk membuka firma perniagaan. Walau bagaimanapun, keadaan yang sama tidak berlaku di Puerto Rico.

Segal et al. (2005) menjalankan kajian ke atas mahasiswa ijazah perniagaan di Florida Gulf Coast University. Kajian dibuat terhadap kebolehan toleran kepada risiko (Tolerance to risk atau TR), percaya kepada pencapaian ataupun *perceived feasibility* atau *self-efficacy* (SE), dan percaya kepada keinginan untuk meramal tujuan atau *perceived net desirability to predict intention* (NSDE) untuk berniaga sendiri (*self-employed*). Hasil dapatan adalah seperti berikut:-

Jadual 1: Keputusan untuk Model Tujuan Keusahawanan

| | NSDE | TR | SE |
|---------------------|---------|---------|---------|
| Tujuan (Intentions) | 0.488** | 0.480** | 0.669** |
| NDSE | | 0.422** | 0.366** |
| TR | | | 0.392** |

Nota: **Kaitan adalah signifikan pada tahap 0.01

Sumber: Segal et al. (2005).

Segal et al. (2005) mencadangkan agar para pendidik, kerajaan dan agensi-agensi yang lain yang ingin mendorong keusahawanan supaya mempertimbangkan bagaimana kata-kata dan tindakan mereka mempengaruhi persepsi bakal-bakal usahawan terhadap pencapaian dan keinginan kepada bidang keusahawanan.

Metodologi Kajian

Kajian deskriptif ini dijalankan melalui penggunaan borang kaji selidik untuk memperoleh maklumat yang diperlukan. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir ijazah sarjana muda dan diploma di UiTM Pahang. Pemilihan ini berasaskan kepada andaian bahawa pelajar-pelajar yang berada pada tahun akhir lebih bersedia dari segi pemikiran tentang hala tuju mereka di masa hadapan. Secara tidak langsung mereka ini akan dapat memberikan maklum balas yang tepat yang berkaitan dengan kajian. Teknik persampelan yang diguna pakai ialah Persampelan Rawak Berstrata yang mana 40% daripada responden yang dipilih adalah terdiri daripada kelompok-kelompok program yang terdapat di UiTM Pahang. Program yang terlibat ialah Diploma Pengurusan Perniagaan (BM111), Diploma Pengurusan Perniagaan (Perbankan) (BM112), Diploma Pengurusan Perniagaan (Insurans) (BM115), Diploma Sains (AS 120), Diploma Perladangan (AS 110), Diploma Kejuruteraan (EC110), Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (AC 220) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Pejabat (OM 221). Soalan kaji selidik kepada para pelajar ini merangkumi 5 bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian A – maklumat demografi
- ii. Bahagian B – kecenderungan terhadap bidang keusahawanan

- iii. Bahagian C – faktor penarik bidang keusahawanan
- iv. Bahagian D – faktor penolak bidang keusahawanan

Hasil Dapatan

Bahagian A – Demografi

Majoriti daripada pelajar iaitu 70.6% atau 180 orang dari sampel kajian ini terdiri dari pelajar-pelajar aliran sains yang mengambil program AS110, AS120 dan EC110. Hanya 29.4% atau 75 orang dari sampel terdiri dari pelajar aliran sains sosial. Keadaan ini berlaku disebabkan jumlah pelajar aliran sains bahagian 6 adalah lebih ramai berbanding dengan berbanding aliran sains sosial di kampus Jengka. Sebahagian besar dari sampel terdiri dari pelajar perempuan. Senario ini disebabkan oleh fenomena yang melanda di sebahagian besar institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mana jumlah pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki. Lebih dari separuh (62.2%) dari sampel kajian adalah terdiri dari pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang baik iaitu memperoleh Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) melebihi dari 3.00. Peratusan responden yang berasal dari pelbagai kawasan iaitu bandar, separa bandar dan luar bandar adalah hampir sama rata antara satu sama lain.

Bahagian B - Kecenderungan Terhadap Bidang Keusahawanan

Berdasarkan kepada hasil yang diperolehi, 80% dari responden kajian meminati bidang keusahawanan dan hanya 20% yang menyatakan sebaliknya. Ini jelas menunjukkan bahawa ramai di antara mahasiswa bumiputera sebenarnya meminati bidang yang kurang diceburi oleh kebanyakan golongan bumiputera. Kajian ini juga mendapati bahawa 71.7% sampel kajian menyatakan bahawa mereka bercita-cita untuk menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian berbanding dengan hanya 28.3% yang tidak berminat untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya mereka.

Data juga menunjukkan bahawa peratusan pelajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (BM115, BM111 dan BM112) yang meminati bidang keusahawanan adalah agak tinggi (antara empat yang teratas) berbanding dengan pelajar program lain. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan Perniagaan ini, banyak didedahkan dengan ilmu serta kemahiran perniagaan dan keusahawanan di dalam subjek-subjek pembelajaran mereka.

Dari aspek jantina, peratusan lelaki yang meminati bidang keusahawanan adalah lebih dominan (92.2%) dari peratusan perempuan (72.7%). Ini menunjukkan bahawa mahasiswa lelaki lebih meminati bidang keusahawanan berbanding dengan perempuan. Sebahagian besar sampel yang menyatakan minat terhadap bidang keusahawanan adalah dari pelajar-pelajar yang mempunyai HPNG antara 2.5 - 3.49. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang meminati bidang keusahawanan ini juga mempunyai prestasi pencapaian akademik yang tidak kurang hebatnya.

Kebanyakan pelajar yang meminati bidang keusahawanan ini adalah dari kawasan luar bandar (30.9%). Akan tetapi jurang perbezaan peratusan pelajar dari kawasan luar bandar yang meminati bidang keusahawanan dengan pelajar dari kawasan lain tidaklah terlalu ketara.

Bagi pelajar-pelajar yang memiliki HPNG antara 2.5 - 3.49, peratusan mereka yang bercita-cita untuk menjadi usahawan adalah tinggi (61.9%) berbanding dengan pelajar yang memiliki HPNG yang lain. Peratusan mahasiswa yang ingin menjadi usahawan dari luar bandar adalah lebih tinggi dari kawasan lain. Walau bagaimanapun, peratusannya tidaklah terlalu besar perbezaannya berbanding dengan mahasiswa dari kawasan lain.

Jadual 1: Penjadualan Silang antara Meminati Bidang Keusahawanan dan Cita-cita Menjadi Usahawan

| Meminati Bidang Keusahawanan | Bercita-cita Menjadi Usahawan | | Jumlah |
|------------------------------|-------------------------------|------------|--------------|
| | Ya | Tidak | |
| Ya | 176 (70.1%) | 28 (11.2%) | 204 (81.3%) |
| Tidak | 4 (1.6%) | 43 (17.1%) | 47 (18.7%) |
| Jumlah | 180 (71.7%) | 71 (28.3%) | 251 (100.0%) |

Jadual 1 menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang meminati bidang keusahawanan dan bercita-cita menjadi usahawan adalah lebih tinggi dari mereka yang sebaliknya.

Majoriti dari mahasiswa yang bercita-cita menjadi usahawan memilih bidang restoran/ catering dan ladang bersepadu sebagai bidang perniagaan yang paling diminati untuk diceburi mereka. Bidang-bidang ini menjadi pilihan mereka bermungkinan disebabkan terdapat permintaan produk dan jumlah pelanggan yang tinggi di dalam kedua-dua sektor ini. Kebanyakan pelajar memilih kawasan bandar dan separa bandar sebagai lokasi pilihan perniagaan mereka sekiranya menjadi usahawan. Kedua-dua lokasi ini dipilih kerana kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan ini berbanding dengan luar bandar.

Bahagian C - Faktor Penarik untuk Menjadi Usahawan

Terdapat beberapa aspek yang menarik mahasiswa bumiputera ini berminat menjadi usahawan. Antaranya adalah aspek kewangan, keluarga, rakan-rakan, pengalaman/ilmu pengetahuan, peluang dan lain-lain.

Jadual 2: Taburan Aspek Kewangan

| Kewangan | Peratusan (%) |
|---|---------------|
| Tertarik dengan pendapatan atau pulangan tinggi yang bakal diperolehi. | 34.9 |
| Terdapat banyak bantuan dan dana kewangan yang disediakan oleh pihak bank, kerajaan dan agensi-agensi kerajaan. | 33.7 |
| Dapat membantu meningkatkan ekonomi Negara. | 31.4 |

Dari aspek kewangan, kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa lebih ramai responden berminat menjadi usahawan kerana tertarik dengan pendapatan atau pulangan tinggi boleh diperolehi di dalam bidang ini.

Jadual 3: Taburan Aspek Keluarga

| Keluarga | Peratusan (%) |
|--|---------------|
| Ahli keluarga memberi galakan yang kuat. | 48.6 |
| Terdapat ahli keluarga terdekat yang terlibat di dalam perniagaan. | 38.2 |
| Bakal mewarisi perniagaan keluarga. | 13.2 |

Dari segi faktor keluarga, hampir separuh dari responden menyatakan bahawa cita-cita mereka untuk menjadi usahawan banyak didorong oleh galakan kuat ahli keluarga. Hasil ini menunjukkan bahawa kebanyakan ahli keluarga sekarang sedar akan kepentingan menjadi usahawan. Atas kesedaran ini, maka mereka memberi galakan kepada ahli-ahli yang lain untuk menceburi bidang ini. Kesannya, ahli-ahli yang lain lebih bersemangat dan berminat untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

Jadual 4: Taburan Aspek Rakan-rakan

| Rakan-rakan | Peratusan (%) |
|--|---------------|
| Rakan-rakan memberi galakan yang kuat. | 39.7 |
| Pernah membantu rakan-rakan dalam perniagaan mereka. | 32.0 |
| Rakan terlibat di dalam perniagaan. | 28.3 |

Jadual 4 menunjukkan bahawa dari aspek rakan-rakan, galakan yang kuat dari mereka adalah punca utama menyebabkan mahasiswa ini bercita-cita untuk menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian mereka. Oleh itu, rakan-rakan perlu sentiasa memberi galakan kepada mahasiswa-mahasiswa ini melalui nasihat dan kata-kata perangsang bagi memberi semangat dan keyakinan mahasiswa untuk menceburkan diri di dalam keusahawanan

Jadual 5: Taburan Aspek Pengalaman/Ilmu Pengetahuan

| Pengalaman/Ilmu Pengetahuan | Peratusan (%) |
|---|---------------|
| Pernah mengambil subjek di dalam keusahawanan dan perniagaan. | 46.2 |
| Penglibatan perniagaan di dalam salah satu aktiviti sekolah/universiti. | 34.3 |
| Pernah menghadiri kursus singkat di dalam keusahawanan dan perniagaan. | 19.5 |

Di dalam aspek pengalaman dan ilmu pengetahuan, alasan popular yang menarik minat mereka untuk menjadi usahawan adalah mereka pernah mengambil subjek di dalam keusahawanan dan perniagaan. Di UiTM, sudah menjadi kemestian bagi setiap pelajarinya untuk mengambil sekurang-kurangnya satu subjek perniagaan dan keusahawanan tidak kira sama ada mereka adalah dari aliran sains atau sains sosial. Kajian ini menunjukkan bahawa usaha ini amat berhasil kerana berjaya menanamkan minat mahasiswa untuk menjadi usahawan kelak.

Jadual 6: Taburan Aspek Peluang

| Peluang | Peratusan (%) |
|---|---------------|
| Peluang untuk berdikari. | 27.7 |
| Peluang untuk berinovatif. | 25.0 |
| Peluang untuk menawarkan pekerjaan kepada pihak lain. | 24.0 |
| Peluang menjalinkan jalinan kerja (network). | 23.3 |

Dari segi peluang, kebanyakan mahasiswa memilih peluang untuk berdikari sebagai pendorong utama untuk mereka menjadi usahawan. Hasil ini membuktikan bahawa mahasiswa-mahasiswa bumiputera ini sanggup berusaha sendiri tanpa mengharapkan pihak lain. Peluang untuk berdikari ini juga sebenarnya membolehkan mahasiswa-mahasiswa ini menggunakan segala kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari untuk membuat sesuatu keputusan di dalam perniagaan yang diceburi.

Jadual 7: Taburan Aspek Lain-lain

| Lain-lain | Peratusan (%) |
|--|---------------|
| Memenuhi tuntutan agama. | 25.9 |
| Menyahut seruan kerajaan. | 25.3 |
| Kesedaran terhadap wujudnya institusi tertentu untuk membantu usahawan bumiputera. | 25.1 |
| Sukakan cabaran dalam menghadapi persaingan dari pelbagai pihak. | 23.7 |

Dari aspek lain, faktor utama yang menarik minat mahasiswa untuk menjadi usahawan adalah bagi memenuhi tuntutan agama. Agama Islam yang menjadi pegangan semua golongan Melayu di Malaysia ini, menyaranakan umat Islam untuk menjadikan bidang perniagaan ini sebagai keutamaan umatnya. Mahasiswa perlu berani menceburkan diri di dalam bidang ini bagi meningkatkan ekonomi umat Islam supaya umat Islam tidak dipandang hina akibat kemiskinan mereka.

Bahagian D – Faktor Penolak Bidang Keusahawanan

Terdapat 4 faktor yang dinyatakan oleh pelajar mengapa mereka tidak meminati untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya iaitu faktor modal, faktor risiko, faktor pengalaman / ilmu pengetahuan dan lain-lain faktor. Hasil dapatan adalah seperti berikut :

Jadual 8: Taburan Faktor Pelajar Tidak Memilih Bidang Keusahawanan

| Faktor | Bilangan respon | % respon |
|----------------------|-----------------|----------|
| A. Faktor Modal | 143 | 27.7 |
| B. Faktor Pengalaman | 140 | 27 |
| C. Lain-lain Faktor | 132 | 25.5 |
| D. Faktor Risiko | 102 | 19.7 |

Dari Jadual 8 didapati bahawa faktor modal merupakan faktor yang utama mengapa pelajar tidak memilih bidang keusahawanan yang mana sebanyak 27.7%, diikuti dengan faktor pengalaman sebanyak 27 %, lain-lain faktor 25.5 % dan faktor risiko 19.7%.

A. Faktor Modal

Dari Jadual 9 didapati bahawa faktor tidak mempunyai modal yang mencukupi merupakan faktor yang utama dipilih oleh mereka yang tidak memilih bidang keusahawanan. Seramai 35.7% responden memilih faktor ini diikuti dengan faktor tidak mengetahui tentang cara bagaimana untuk mendapatkan modal sebanyak 32.9% dan faktor kesukaran mendapatkan cagaran bagi memohon pinjaman 31.5%.

Jadual 9: Taburan Faktor Modal

| Faktor | Bilangan respon | % respon |
|--|-----------------|----------|
| 1. Tidak mempunyai modal yang mencukupi. | 51 | 35.7 |
| 2. Tidak tahu cara-cara untuk mendapatkan modal | 47 | 32.9 |
| 3. Sukar mendapatkan cagaran bagi memohon pinjaman | 45 | 31.5 |

B. Faktor Risiko

Jadual 10: Taburan Faktor Risiko

| Faktor | Bilangan respon | % respon |
|---|-----------------|----------|
| 1. Tidak berani mengambil risiko dan berhadapan dengan cabaran. | 39 | 38.2 |
| 2. Takut menghadapi kerugian dalam perniagaan. | 35 | 34.3 |
| 3. Takut menghadapi persaingan sengit di dalam perniagaan. | 28 | 27.5 |

Daripada 25 faktor yang disenaraikan, kebanyakan pelajar memilih faktor mereka tidak berani mengambil risiko dan berhadapan dengan cabaran sebagai faktor utama mereka tidak memilih keusahawanan sebagai kerjaya (38.2%). Manakala 34.3% pelajar memilih faktor takut menghadapi kerugian dalam perniagaan dan 27.5% memilih mereka takut menghadapi persaingan sengit di dalam perniagaan seperti yang dinyatakan pada Jadual 10 di atas.

C. Faktor Ilmu Pengetahuan

Jadual 11: Taburan Faktor Ilmu Pengetahuan

| Faktor | Bilangan respon | % respon |
|---|-----------------|----------|
| 1. Tiada kepakaran di dalam menjalinkan jalinan kerja (networking). | 50 | 35.7 |
| 2. Kurang maklumat tentang peluang yang bakal dinikmati sekiranya menjadi usahawan. | 47 | 33.6 |
| 3. Tiada ilmu pengetahuan di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan | 43 | 30.7 |

Jadual 11 menunjukkan peratus respon terhadap faktor pengetahuan/ilmu pengetahuan. Seramai 50 responden (35.7%) memilih faktor tiada kepakaran dalam menjalinkan jalinan hubungan (networking) sebagai faktor yang utama manakala 33.6 % pelajar tidak memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya disebabkan oleh kurangnya maklumat tentang peluang yang bakal dinikmati sekiranya mereka menjadi usahawan. Sebanyak 30.7% pelajar memilih faktor mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan di dalam bidang perniagaan.

D. Lain-lain Faktor

Faktor pelajar lebih suka untuk memperolehi pendapatan yang tetap pada tiap-tiap bulan merupakan faktor utama dipilih (47%) berbanding faktor lebih suka bekerja dengan orang lain (28%) dan diikuti dengan 28% pelajar mengatakan bahawa mereka tidak mendapat sokongan kuat daripada keluarga mereka. Manakala hanya 9.1% pelajar memilih faktor masyarakat mempunyai pandangan yang pasif terhadap usahawan bumiputera. Ianya dapat ditunjukkan seperti di Jadual 12 di bawah.

Jadual 12: Taburan Lain-lain Faktor

| Faktor | Bilangan respon | % respon |
|---|-----------------|----------|
| 1. Lebih suka kerja yang berpendapatan tetap. | 62 | 47.0 |
| 2. Lebih suka bekerja dengan orang lain. | 37 | 28.0 |
| 3. Tiada sokongan daripada keluarga. | 21 | 15.9 |
| 4. Pandangan pasif masyarakat terhadap usahawan bumiputera. | 12 | 9.1 |

Majoriti daripada pelajar (55.7%) yang memilih untuk tidak memilih keusahawanan sebagai kerjaya menyatakan bahawa mereka lebih suka bekerja dengan kerajaan. Sebanyak 44.3 % pelajar memilih mereka lebih suka bekerja dengan pihak swasta.

Ujian Signifikan Khi Kuasa Dua

Jadual 13: Ujian Signifikan Khi Kuasa Dua

| Jenis Ujian | Nilai p |
|---|---------|
| Program dan meminati bidang keusahawanan | .000 |
| Program dan bercita-cita menjadi usahawan | .000 |
| Jantina dan meminati bidang keusahawanan | .000 |
| Jantina dan bercita-cita menjadi usahawan | .005 |
| CGPA dan meminati bidang keusahawanan | 0.122 |
| CGPA dan bercita-cita menjadi usahawan | .047 |
| Asal dan meminati bidang keusahawanan | .181 |
| Asal dan bercita-cita menjadi usahawan | .474 |

Daripada Jadual 13 didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara min dapatan program pelajar dengan minat mereka untuk menjadi usahawan ($p = .000$). Terdapat perbezaan yang signifikan juga di antara program dengan cita-cita untuk menjadi usahawan di mana $p = .000$. Ujian terhadap jantina dan meminati bidang keusahawanan dan jantina dengan bercita-cita menjadi usahawan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kedua-dua ujian tersebut di mana hasil nilai $p < 0.05$. Begitu juga hasil ujian yang signifikan terhadap min dapatan bagi HPNG dan bercita-cita menjadi usahawan. Bagaimanapun, didapati bahawa min dapatan bagi HPNG dengan meminati bidang keusahawanan, asal pelajar dengan meminati bidang keusahawanan dan asal pelajar dengan bercita-cita menjadi usahawan adalah tidak signifikan yang mana nilai p bagi ketiga-tiga ujian adalah >0.05 .

Kesimpulan dan Cadangan

Hasil kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

- Majoriti dari mahasiswa bumiputera meminati bidang keusahawanan dan mereka juga bercita-cita untuk menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian.

- ii. Pelajar-pelajar dari Fakulti Pengurusan Perniagaan mempunyai peratusan yang tinggi terhadap minat di dalam bidang keusahawanan dan cita-cita untuk menjadi usahawan. Selain dari itu, peratusan pelajar lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan perempuan terhadap minat di dalam bidang keusahawanan dan cita-cita menjadi usahawan. Dari segi Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG), kebanyakan mahasiswa yang berminat di dalam keusahawanan dan bercita-cita menjadi usahawan adalah mereka yang mendapat HPNG 3.49 – 2.5. Di samping itu, peratusan mahasiswa yang ingin menjadi usahawan dan bercita-cita menjadi usahawan dari luar bandar adalah lebih tinggi dari kawasan lain. Walau bagaimanapun, jurang peratusannya tidaklah terlalu besar berbanding dengan mahasiswa dari kawasan lain.
- iii. Antara aspek-aspek yang menarik minat mahasiswa untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya mereka adalah aspek kewangan, keluarga, rakan-rakan, pengalaman/ilmu pengetahuan, peluang dan lain-lain.
- iv. Faktor modal dan faktor pengalaman merupakan faktor utama mengapa pelajar tidak bercita-cita untuk menjadi usahawan.
- v. Kebanyakan pelajar yang tidak berminat untuk bekerja sendiri memilih untuk bekerja dengan kerajaan berbanding dengan swasta.

UiTM dengan bantuan MEDEC perlu memainkan peranan lebih proaktif untuk memberikan lebih maklumat yang berkaitan dengan keusahawanan dan memberikan galakan kepada pelajar-pelajar. Ia merupakan suatu elemen yang penting memandangkan kekurangan pengalaman dalam bidang yang berkaitan merupakan antara halangan kepada pelajar-pelajar ini untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Maklumat yang diberikan perlulah yang terkini dan berguna untuk mereka agar ianya dapat dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan penting dalam bidang ini. Pelajar yang sememangnya bercita-cita untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya mereka setelah menamatkan pengajian perlulah diberikan perhatian dan bimbingan yang mencukupi agar mereka benar-benar bersedia untuk melibatkan dalam dunia perniagaan yang sebenarnya. Usaha ini perlulah berterusan dan diberi penekanan yang serius sebagai salah satu dari usaha dan sokongan terhadap kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan usahawan bumiputera dalam pelbagai bidang

Rujukan

- Kuratko, D.F., & Hodgetts, R.M. (2004). *Entrepreneurship: A contemporary approach (5th edition)*. Ohio: South-Western Pub.
- Kuratko, D.F., & Hodgetts, R.M. (2007). *Entrepreneurship: Theory, process, practice (7th edition)*. Ohio: South-Western & Thomson Publishers.
- Mohd Yusop, A.H., Ahmad, E., & Jailani, M.Y. (2003). *Keberkesanan program kokurikulum dalam memotivasikan pelajar menjadi usahawan industri kecil sederhana*. Universiti Tun Hussein Onn. Dicapai Februari 15, 2008, dari http://www.uum.edu.my/iks_swb/F2/Keberkesanan Program.doc
- Hisrich, R.D., Peters, M.P., & Shepherd, D.A. (2006). *Entrepreneurship*. New York: The McGraw-Hill Companies
- Segal, G., Borgia, D., & Schoenfeld, J. (2005). The motivation to become an entrepreneur. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 11(1), 42-57.

Veciana, J.M., Aponte, M., & Urbano, D. (2005). University students' attitudes towards entrepreneurship: A two countries comparison. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 1, 162-182.

ROZIEANA A. HALID@ KHALID, MAZLINA SUHAIMI, HASNIZAWATI HASHIM, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang. rozieana@pahang.uitm.edu.my, mazlina@pahang.uitm.edu.my, hasnizawati@pahang.uitm.edu.my

MOHD NORAFIZAL ABD AZIZ, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Universiti Teknologi MARA Pahang. mnorafizal@pahang.uitm.edu.my